# GARIS PANDUAN PEMBINAAN DAN PENDAFTARAN MASJID DAN SURAU NEGERI SELANGOR

## 1. NAMA

Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Pembinaan dan Pendaftaran Masjid dan Surau Negeri Selangor.

## 2. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada semua masjid dan surau di Negeri Selangor

## 3. LATAR BELAKANG

2.1 Pembinaan masjid dan surau di Negeri Selangor berjalan secara konsisten dan berterusan. Pembinaan dibuat di atas tapak yang diwartakan bagi maksud tujuan keagamaan (Agama Islam) yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam meluluskan kebenaran merancang dan tanah wakaf yang dikhususkan untuk pembinaan masjid atau surau (Wakaf Khas).

2.2 Pembinaan fizikal masjid dan surau diatas tapak tersebut lazimnya bagi masjid menggunakan peruntukan jabatan dibawah Rancangan Malaysia (RMK), Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS), Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri ICU JPM dan sumbangan sektor korporat. Manakala pembinaan surau lebih cenderung mendapat pembiayaan daripada wakaf dan jariah orang ramai, Lembaga Zakat Selangor (LZS), Kerajaan Negeri Selangor dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri, ICU JPM.

2.3 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan kuasa seperti berikut:

97. (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis mendirikan apa- apa bangunan untuk digunakan, atau menggunakan atau

menyebabkan supaya digunakan mana- mana bangunan, bagi perkara yang hanya boleh dilakukan di atau oleh masjid atau surau.

(2) Mana- mana orang yang melanggar peruntukkan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua- duanya sekali.

## 4. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk:

4.1 Memberi kemudahan dan penjelasan kepada semua pihak yang mempunyai perancangan untuk membangunkan pembinaan masjid dan surau di Negeri Selangor.

4.2 Menegaskan fungsi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai pemegang amanah tunggal bagi masjid dan surau serta tanah yang berkaitan dengannya.

4.3 Memastikan masjid dan surau di Negeri Selangor didaftarkan dibawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai satu langkah kawalan dan seliaan agar dapat ditadbir selaras dengan kehendak Enakmen dan peraturan- peraturan ditetapkan.

## 5. JAWATANKUASA PENAJA PEMBANGUNAN

5.1 Bagi memastikan proses pembangunan dapat berjalan dengan lancar, satu **Jawatankuasa Penaja Pembangunan** hendaklah diwujudkan yang terdiri daripada:

i. Penasihat (Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah)

ii. Pengerusi

ii. Setiausaha

iii. Bendahari

iv. Sekurang-kurangnya 5 orang ahli (termasuk seorang wakil JAIS atau seorang wakil Perbadanan Wakaf Selangor) bagi pembinaan melebihi RM 1 Juta.

v. 2 orang Pemeriksa Kira-kira

5.2 **Fungsi Jawatankuasa Penaja Pembangunan ini adalah :**

i. Mendapatkan pengesahan status pelan dan tapak cadangan pembinaan masjid atau surau daripada;
   a) Unit Pembangunan JAIS;atau
   b) Pejabat Tanah Daerah (PTD);atau
   c) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);atau
   d) atau Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

ii. Melengkapkan Borang Permohonan Pembinaan dan menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan dalam senarai semak permohonan.

iii. Mengemukakan borang permohonan pembinaan ke Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) yang berkenaan untuk dibawa ke Mesyuarat Panel Teknikal Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

iv. Mengisi borang permohonan membuka akaun wakaf khas di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan mendapatkan kelulusan untuk menjalankan kutipan sumbangan wakaf, jika dana pembinaan diperolehi daripada sumbangan orang ramai dan permohonan pembinaan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor.

v. Memastikan segala kutipan dan sumbangan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun wakaf khas PWS (termasuk sumbangan korporat dan agensi kerajaan berkaitan)

vi. Membuat permohonan pengecualian memasukkan sumbangan ke dalam akaun Wakaf khas PWS sekiranya terdapat individu, badan korporat atau agensi berkaitan untuk melaksanakan keseluruhan pembinaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan.

vii. Melaksanakan perbincangan bersama Unit Pembangunan JAIS atau Perbadanan Wakaf Selangor bagi menentukan konsep awal pelaksanaan projek pembinaan.

viii. Melaporkan setiap peringkat kemajuan pembinaan dan masalah-masalah teknikal yang dihadapi kepada Unit Pembangunan JAIS dan Perbadanan Wakaf Selangor.

### 5.3 Tempoh Jawatankuasa Penaja Pembangunan

i. Mengikut tempoh pembinaan dan tidak melebihi 3 tahun dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Pelanjutan tempoh perlu dipohon bagi Jawatankuasa yang telah melebihi 3 tahun ke Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor.

ii. Jawatankuasa ini akan terbubar dengan sendirinya setelah masjid atau surau siap sepenuhnya dibina dan diserahkan kepada JAIS untuk ditadbir oleh Jawatankuasa Masjid atau Surau yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

## 6. PROSEDUR GARIS PANDUAN PEMBINAAN MASJID DAN SURAU (BUKAN PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI)

6.1 Pemohon hendaklah melengkapkan Borang Permohonan Pembinaan Masjid / Surau.

6.2 Unit Pengurusan Masjid, Pejabat Agama Islam Daerah (UPMD) membuat semakan borang permohonan beserta dokumen- dokumen yang dikemukakan untuk mendapatkan ulasan serta sokongan daripada Pegawai Tadbir Agama Daerah (PTA) dan Orang Besar Daerah (OBD).

6.3 Permohonan yang telah mendapat ulasan dan sokongan hendaklah dihantar ke Bahagian Pengurusan Masjid oleh Unit Pengurusan Masjid, Pejabat Agama

Islam Daerah (UPMD) untuk dibentang dan dibincangkan dalam Mesyuarat Panel Teknikal Pembangunan JAIS.

6.4 Mesyuarat Panel Teknikal Pembangunan JAIS akan menyemak, meneliti dan membuat ulasan permohonan tersebut sama ada wajar diterima, ditolak atau menetapkan syarat- syarat lain yang berkaitan dengan permohonan tersebut.

6.5 Jika permohonan diterima, Setiausaha Panel Teknikal Pembangunan JAIS hendaklah membawa permohonan tersebut ke Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor bagi mendapatkan kelulusan.

6.6 Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor akan dimaklumkan kepada pemohon oleh Bahagian Pengurusan Masjid melalui surat setelah mendapat pengesahan minit mesyuarat beserta dengan syarat- syarat yang telah ditetapkan.

6.7 Sekiranya permohonan diluluskan, pemohon hendaklah membuka Akaun Wakaf Khas di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dengan menggunakan Borang Permohonan Wakaf Khas dan Borang kuasa menyedia dan menandatangani resit(Borang G) bagi tujuan pembukaan akaun kutipan.

6.8 Pemohon boleh menghantar Pelan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan setelah **50%** daripada jumlah kos keseluruhan projek terkumpul di Perbadanan Wakaf Selangor;

a) jika pembinaan diatas tapak yang diwartakan , (KM) dan Pelan Bangunan hendaklah dihantar kepada Unit Pembangunan JAIS untuk di tandatangani oleh Pengarah JAIS sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

b) jika pembinaan diatas tapak tanah wakaf, (KM) dan Pelan Bangunan hendaklah dihantar kepada Perbadanan Wakaf Selangor untuk di tandatangani oleh Setiausaha MAIS sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

6.9 Jawatankuasa Penaja Pembangunan hendaklah memastikan sekurang-kurangnya **50%** daripada kos keseluruhan projek terkumpul di Akaun Khas Perbadanan Wakaf Selangor sebelum surat kelulusan memasuki tapak dikeluarkan oleh Unit Pembangunan JAIS atau Perbadanan Wakaf Selangor bagi memulakan kerja-kerja pembinaan.

6.10 Jawatankuasa Penaja Pembangunan dan perunding projek yang dilantik hendaklah mengadakan mesyuarat tapak secara berkala dan hendaklah menjemput wakil Unit Pembangunan JAIS dan Perbadanan Wakaf Selangor dalam mesyuarat tersebut.

6.11 Pemohon hendaklah mengemukakan laporan kemajuan kerja di tapak pembinaan dan prestasi kewangan bulanan kepada Unit Pembangunan JAIS atau Perbadanan Wakaf Selangor. Laporan kemajuan kerja yang telah disahkan akan dimajukan kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) bagi proses tuntutan bayaran.

6.12 Jawatankuasa Penaja Pembangunan dan Perunding Projek hendaklah mengemukakan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)/Sijil Perakuan Pihak Berkuasa Tempatan kepada Unit Pembangunan JAIS dan menguruskan penutupan Akaun Wakaf Khas.

6.13 Penyerahan bangunan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) oleh Perunding Projek perlu disertakan dengan dokumen-dokumen pembinaan yang berkaitan

6.14 Jawatankuasa Penaja Pembangunan perlu menguruskan pendaftaran masjid atau surau di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).( Rujuk perenggan 9)

## 7. PANEL TEKNIKAL PEMBANGUNAN JAIS

7.1 Bagi memastikan permohonan mengikut syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan, Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor telah menubuhkan satu Panel Teknikal Pembangunan JAIS bagi memperhalusi semua permohonan dan cadangan pembinaan masjid atau surau yang dikemukakan.

7.2 Panel Teknikal Pembangunan tersebut dianggotai oleh:

i. Timbalan Pengarah (Pengurusan) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sebagai Pengerusi

ii. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid sebagai Timbalan Pengerusi

Anggota Panel :

i. Mufti Negeri Selangor atau wakil;

ii. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Islam JAIS atau wakil (Jika berkaitan);

iii. Penolong Pengarah atau wakil unit Pembangunan JAIS;

iv. Pegawai Tadbir Agama Daerah atau wakil yang terlibat dengan pembangunan;

v. Pegawai Eksekutif Perbadanan Wakaf Selangor atau wakil;

vi. Penolong Pengarah Unit Penyelarasan Bahagian Pengurusan Masjid sebagai Setiausaha.

7.3 Fungsi Panel Teknikal Pembangunan JAIS

i. Mengesahkan status tanah/ tapak cadangan masjid atau surau

ii. Menyemak, meneliti dan memberi ulasan konsep serta pelan cadangan yang dikemukakan oleh jururancang atau arkitek yang bertauliah

menepati kehendak dasar Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Majlis Agama Islam Selangor dan hukum syarak.

iii. Memberi khidmat nasihat kepada pemohon berhubung pelan tindakan yang perlu diambil oleh Jawatankuasa Penaja Pembangunan setelah permohonan diterima atau ditolak oleh Panel Teknikal Pembangunan JAIS.

iv. Memastikan permohonan yang diterima dikemukakan ke Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor untuk mendapatkan kelulusan.

v. Memanggil Jawatankuasa Penaja bagi mendapatkan apa- apa penjelasan berhubung peringkat kemajuan pembinaan.

vi. Memastikan Jawatankuasa Penaja Pembangunan membuka akaun amanah di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS).

## 8. PROSEDUR GARIS PANDUAN PEMBINAAN MASJID DAN SURAU (PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI).

8.1 Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) mengemukakan senarai tapak yang diberi keutamaan dalam pembinaan masjid atau surau baru untuk disenaraikan dalam Rancangan Malaysia (RMK).

8.2 Semakan peruntukkan dan penyelesaian status tapak projek oleh Unit Pembangunan JAIS sebelum pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) menyediakan konsep reka bentuk berdasarkan fizikal tanah dan keperluan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

8.3 Mengemukakan senarai masjid atau surau untuk pembinaan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor bagi mendapatkan kelulusan.

8.4 JKR mendapatkan pengesahan/ kelulusan melalui rundingan di bawah Seksyen 20a Akta Perancangan Bandar Dan Desa (AKTA 172) daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor (JPBD).

8.5 Proses perlaksanaan tender dan lantikan kontraktor oleh Kerajaan Negeri.

8.6 Kerja- kerja pembinaan oleh kontraktor yang dilantik di bawah pengawasan JKR sehingga projek siap.

8.7 Penyerahan projek siap dan penyediaan perakuan siap kerja (CPC) oleh pihak JKR kepada JAIS beserta maklumat tempoh tanggungan kecacatan (DLP) dan lukisan siap bina ( *As Built Drawing* ).

8.8 JKR menyediakan perakuan muktamad (PM) dan penutupan akaun projek.

## 9. PENDAFTARAN MASJID ATAU SURAU

9.1 Pegawai Tadbir Agama Daerah (PTA) hendaklah bertanggungjawab untuk mendaftarkan bagi bangunan masjid atau surau yang siap dibina menggunakan dana peruntukan Kerajaan Negeri. Manakala Jawatankuasa Penaja pula hendaklah bertanggungjawab untuk mendaftarkan masjid atau surau yang siap dibina menggunakan dana peruntukan persendirian, wakaf atau sumbangan korporat.

9.2 Pendaftaran hendaklah dibuat dengan menggunakan borang:

a. Borang Pendaftaran Masjid dalam Negeri Selangor; atau
b. Borang Pendaftaran Surau dalam Negeri Selangor

9.3 Borang- borang pendaftaran tersebut hendaklah diisi dengan lengkap dan melampirkan dokumen- dokumen yang diperlukan:

a- Salinan pelan tapak lokasi masjid atau surau

b- Salinan dokumen hak milik tanah (Geran) bagi selain tanah yang diwartakan
c- Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC)
d- Pelan Siap Bina (As Built Drawing)
e- Gambar bangunan
f- Salinan surat kebenaran membina daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

9.4 Borang yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah (PTAD) untuk disemak oleh Unit Pengurusan Masjid, Pejabat Agama Islam Daerah. Borang dan dokumen lampiran yang lengkap akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor oleh Setiausaha Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor untuk kelulusan pendaftaran dan pengesahan Jawatankuasa Penaja sebagai pentadbir sementara masjid atau surau dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor.

## 10. PENCALONAN PEGAWAI DAN PEMILIHAN JAWATANKUASA MASJID ATAU SURAU

10.1 Masjid atau surau hendaklah melaksanakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Dan Pemilihan Jawatankuasa Masjid/ Surau selepas mendapat kelulusan pendaftaran daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Proses tersebut hendaklah dilakukan sebelum tamat tempoh yang ditetapkan kepada Jawatankuasa Penaja selaku Pentadbir sementara.

10.2 Proses pencalonan dan pemilihan hendaklah dibuat bedasarkan Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) seperti berikut:

i. Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah Masjid Negeri Selangor;

iii. Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Khas Pemilihan Calon Anggota Jawatankuasa Surau Negeri Selangor.

10.3 Senarai calon pegawai masjid dan surau serta anggota jawatankuasa masjid dan surau yang terpilih akan dibawa ke Mesyuarat Panel Pencalonan dan Pemilihan Peringkat Daerah untuk proses tapisan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor untuk pengesahan sebelum diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

## 10. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa mulai 1 Julai 2018

t.t

**(DATO' BAKHTIAR BIN HUSSIN)**
Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor
Tarikh : 28 Jun 2018

# CARTA ALIRAN

## PROSES PERMOHONAN PEMBINAAN DAN PENDAFTARAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI SELANGOR (PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI)

### PEMBINAAN MASJID DAN SURAU

- PAID kenal pasti tapak masjid/surau
- Senaraikan lokasi utama untuk dimasukkan dalam RMK
- Semakan dan penyelesaian status tapak
- Mohon JKR menyediakan konsep reka bentuk
- Kemukakan senarai masjid/ surau untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor
- JKR mendapatkan pengesahan/ kelulusan melalui rundingan dari pihak Jabatan Perancang Bandar Dan Desa (JPBD)
- Proses tender dan lantik kontraktor oleh Kerajaan Negeri
- Pelaksanaan kerja-kerja pembinaan oleh kontraktor
- Pengawasan kerja oleh pihak JKR

Majlis Agama Islam Selangor

Penyerahan projek siap dan penyediaan perakuan siap kerja (CPC) kepada JAIS oleh JKR beserta maklumat tempoh tanggunggan kecacatan (DLP)

Penyerahan Lukisan Siap Bina (As Built Drawing)

Penyediaan perakuan muktamad (PM) oleh JKR dan penutupan akaun projek

## PENDAFTARAN MASJID DAN SURAU

Pegawai Tadbir Agama Daerah / Jawatankuasa Penaja mengambil langkah mendaftarkan masjid

Melengkapkan Borang Pendaftaran Masjid/Surau Dalam Negeri Selangor beserta lampiran yang ditetapkan

Kemukakan Borang Pendaftaran ke Pegawai Tadbir Agama Daerah

Panjangkan permohonan pendaftaran ke Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor

Tidak – Lengkapkan semula

Lengkap

Keluarkan surat kelulusan pendaftaran kepada pemohon dan lantikan Jawatankuasa penaja sebagai pentadbir sementara masjid

Majlis Agama Islam Selangor

Jawatankuasa Penaja mangadakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Dan Ahli Jawatankuasa Masjid/Surau

Rujuk Garis Panduan Pencalonan Pegawai Dan Pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid/Surau yang berkuatkuasa

Kemukakan calon pegawai dan ahli jawatankuasa ke Mesyuarat Panel Pemilihan Pencalonan Peringkat Daerah

Senarai calon pegawai dan Ahli Jawatankuasa masjid/surau dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor untuk pengesahan

Kemukakan senarai calon pegawai dan Ahli Jawatankuasa masjid/surau ke Mesyuarat MAIS untuk kelulusan

Keluarkan surat lantikan kepada pegawai dan ahli jawatankuasa yang diluluskan

Majlis Agama Islam Selangor

# CARTA ALIRAN

## PROSES PERMOHONAN PEMBINAAN DAN PENDAFTARAN MASJID DAN SURAU DI NEGERI SELANGOR (PERUNTUKAN BUKAN KERAJAAN NEGERI)

### PEMBINAAN MASJID DAN SURAU





Pemohon menghantar Pelan Bangunan ke Unit Pembangunan, JAIS setelah KM diperolehi

Pemohon mengemukakan bukti dana kutipan mencapai 50% daripada kos projek

JAIS keluarkan surat kebenaran memasuki tapak

Pemohon memohon tempoh lanjut kebenaran merancang dari PBT jika dana belum mencukupi

Jawatankuasa penaja, perunding dan JAIS secara berkala mengadakan Mesyuarat Tapak

Kemukakan laporan kemajuan projek dan dana kutipan kepada Unit Pembangunan JAIS

Perunding projek mengemukakan Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) kepada JAIS

Penyerahan bangunan oleh perunding projek dan jawatankuasa penaja

Penutupan akaun khas wakaf

Majlis Agama Islam Selangor

# PENDAFTARAN MASJID DAN SURAU





Kemukakan senarai calon pegawai dan Ahli Jawatankuasa masjid/surau ke Mesyuarat MAIS untuk kelulusan

Keluarkan surat lantikan kepada pegawai dan ahli jawatankuasa yang diluluskan

Majlis Agama Islam Selangor

## SENARAI SEMAK
## PEMBINAAN MASJID BARU DI NEGERI SELANGOR

---

**Sila tandakan ( √ ) jika sudah disertakan**

**1.** a. Surat pengesahan tapak masjid dari JAIS atau ☐

b. Surat pengesahan tapak masjid dari pihak berkuasa tempatan (PBT) atau ☐

c. Surat pewartaan tapak masjid dari Pejabat Daerah/Tanah ☐

d. Pelan ☐

  i. Pelan Tapak
  ii. Laporan Cadangan Pemajuan
  iii. Pelan Susunatur
  iv. Pelan Bangunan/Perspektif/3D
  v. Pelan Aras

e. Senarai Perunding ☐

f. Butiran kerja (BQ) dan anggaran kos pembinaan ☐

g. Gambar tapak masjid ☐

h. Surat permohonan bertulis dari pemohon ☐

i. Mengisi borang permohonan pembinaan masjid ☐

Majlis Agama Islam Selangor

2. **Syarat - Syarat**

a. **Faktor jarak**

Jarak paling minima hendaklah berada 3 km dari masjid yang sediada ( mengikut keperluan ) ☐

b. **Faktor penduduk**

Terdapat penduduk beragama Islam yang memerlukan pembinaan masjid ☐

d. **Faktor status tapak masjid**

Status tapak masjid hendaklah mengandungi salah satu daripada syarat berikut:

a. Tapak wakaf atau ☐

b. Tapak tanah Kerajaan Negeri atau ☐

c. Tapak yang disediakan pemaju ☐

e. **Struktur**

1. Mempunyai rekabentuk bangunan bercirikan Islam ☐

2. Bangunan masjid hendaklah berasingan dengan bangunan tandas ☐

NOTA : **Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Pejabat Agama Islam Daerah untuk tindakan selanjutnya.**

Majlis Agama Islam Selangor

BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40000 SHAH ALAM, SELANGOR
Website : www.jais.gov.my

TEL : 03-55143685 / 3688
FAX : 03-55109166

---

## PERMOHONAN PEMBINAAN MASJID DALAM NEGERI SELANGOR.

1. NAMA MASJID ( RUMI)..........................................................................................

   ( JAWI ) ..........................................................................................

2. ALAMAT LENGKAP MASJID :..........................................................................................

   ..........................................................................................

   ..........................................................................................

3. ALAMAT SURAT-MENYURAT :..........................................................................................

   ..........................................................................................

   ..........................................................................................

3. NO TELEFON:........................................NO FAX :................................................

4. MUKIM : ...........................................DAERAH....................................................

5. NAMA MASJID TERDEKAT:..........................................................................................

   JARAK :..........................................................................................KM

6. KEDUDUKAN TAPAK

   - KELUASAN :..........................................................................................
   - NO LOT & TAPAK :..........................................................................................
   - STATUS TAPAK : ( WAKAF / KERAJAAN / PEMAJU )..........................................

7. JUMLAH PENDUDUK ISLAM :..........................................................................................

8. ANGGARAN KOS PEMBINAAN :..........................................................................................

9. SUMBER KEWANGAN : .......................... RM..............................

   & JUMLAH .......................... RM..............................

   .......................... RM..............................

10. SENARAI NAMA JAWATANKUASA PENAJA PEMBINAAN MASJID

| BIL | NAMA | ALAMAT | NO. K/P | JAWATAN | NO. TELEFON |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | | |
| 2 | | | | | |
| 3 | | | | | |
| 4 | | | | | |
| 5 | | | | | |
| 6 | | | | | |
| 7 | | | | | |
| 8 | | | | | |
| 9 | | | | | |
| 10 | | | | | |
| 11 | | | | | |
| 12 | | | | | |
| 13 | | | | | |
| 14 | | | | | |

11. **PERAKUAN PEMOHON**

SAYA MENGAKU SEGALA MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR

Nama :..................................................................................

Jawatan :..................................................................................

Tarikh : ........................................

T / Tangan : ........................................

Majlis Agama Islam Selangor

## 12. ULASAN PEGAWAI TADBIR AGAMA ISLAM DAERAH

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

Tarikh :……………………. ……………………

Tandatangan dan Cop

## 13. ULASAN ORANG BESAR DAERAH

……………………………………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………………………………

Tarikh :……………………. ……………………

Tandatangan dan Cop

Majlis Agama Islam Selangor

BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH TEL : 03-55143548/3776
40000 SHAH ALAM,SELANGOR FAX : 03-55109166
Website : www.jais.gov.my

**PERMOHONAN PENDAFTARAN MASJID DALAM NEGERI SELANGOR.**

1. NAMA MASJID: (JAWI) ....................................................................................

   (RUMI) ....................................................................................

2. ALAMAT LENGKAP:....................................................................................

   ....................................................................................

   ....................................................................................

3. NO. TELEFON: ........................................ NO. FAX : ........................................

4. MUKIM : ........................................DAERAH : ........................................

5. JARAK DENGAN MASJID TERDEKAT : ............................KM

   JARAK SURAU TERDEKAT : ........................KM

6. KEDUDUKAN TAPAK :-

   - KELUASAN : ....................................................................................
   - NO. LOT & TAPAK : ....................................................................................
   - STATUS TAPAK (WAKAF / KERAJAAN / LAIN-LAIN,NYATAKAN)

   ....................................................................................

7. JUMLAH PENDUDUK ISLAM: ...........................

8. SENARAI NAMA JAWATANKUASA PENAJA MASJID

| BIL | NAMA | ALAMAT | NO. K/P | JAWATAN | NO. TELEFON |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | | | | NAZIR | |
| 2. | | | | TIMB. NAZIR | |
| 3. | | | | SETIAUSAHA | |
| 4. | | | | PEN SETIAUSAHA | |
| 5. | | | | BENDAHARI | |
| 6. | | | | PEN. BENDAHARI | |
| 7. | | | | IMAM 1 | |
| 8. | | | | IMAM 2 | |
| 9. | | | | BILAL 1 | |
| 10. | | | | BILAL 2 | |
| 11. | | | | SIAK 1 | |
| 12. | | | | SIAK 2 | |
| 13. | | | | AJK | |
| 14. | | | | AJK | |
| 15. | | | | AJK | |
| 16. | | | | AJK | |
| 17. | | | | AJK | |
| 18. | | | | AJK | |
| 19. | | | | WAKIL PEMUDA | |
| 20. | | | | WAKIL MUSLIMAT | |
| 21. | | | | PENGURUS JENAZAH MUSLIMAT | |

Majlis Agama Islam Selangor

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 22. | | | | **PEMERIKSA KIRA-KIRA 1** | |
| 23. | | | | **PEMERIKSA KIRA-KIRA 2** | |

**9. PERAKUAN PEMOHON**

SAYA MENGAKU SEGALA MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR:

NAMA PEMOHON :...................................................................................

JAWATAN :...................................................................................

NO. TELEFON :...................................................................................

TANDATANGAN :.............................TARIKH :.......................................

**10. ULASAN PEGAWAI TADBIR AGAMA ISLAM DAERAH**

...................................................................................................................

...................................................................................................................

Tarikh : .......................

............................

T / Tangan dan Cop

**11. ULASAN ORANG BESAR DAERAH**

...................................................................................................................

...................................................................................................................

Tarikh : .......................

............................

T / Tangan dan Cop

Majlis Agama Islam Selangor

BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40000 SHAH ALAM, SELANGOR
Website : www.jais.gov.my

TEL : 03-55143688
FAX : 03-55109166

PERMOHONAN PEMBINAAN SURAU DALAM NEGERI SELANGOR.

1. NAMA SURAU ( RUMI)..........................................................................

( JAWI ) ......................................................................

2. ALAMAT LENGKAP :.............................................................................

.............................................................................

.............................................................................

3. ALAMAT SURAT-MENYURAT

.............................................................................

.............................................................................

.............................................................................

4. NO TELEFON:..........................................NO FAX :................................

5. MUKIM : ..................................DAERAH....................................

6. KARIAH MASJID:.........................................................................

JARAK :.................................................................KM

7. KEDUDUKAN TAPAK

- KELUASAN :.........................................................................
- NO LOT & TAPAK :.........................................................................
- STATUS TAPAK : ( WAKAF / KERAJAAN / PEMAJU ) ...........................

8. JUMLAH PENDUDUK ISLAM :.............................................................

8. ANGGARAN KOS PEMBINAAN :.......................................................

9. SUMBER KEWANGAN :........................... RM........................

& JUMLAH ........................... RM........................

........................... RM........................

10. SENARAI NAMA JAWATANKUASA PENAJA PEMBINAAN SURAU

| BIL | NAMA | ALAMAT | NO. K/P | JAWATAN | NO. TELEFON |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | | |
| 2 | | | | | |
| 3 | | | | | |
| 4 | | | | | |
| 5 | | | | | |
| 6 | | | | | |
| 7 | | | | | |
| 8 | | | | | |
| 9 | | | | | |
| 10 | | | | | |
| 11 | | | | | |
| 12 | | | | | |
| 13 | | | | | |
| 14 | | | | | |

Majlis Agama Islam Selangor

11. **PERAKUAN PEMOHON**

SAYA MENGAKU SEGALA MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR

Nama :..........................................................................................

Jawatan :..........................................................................................

Tarikh : ..............................................

T / Tangan : ..............................................

12. **ULASAN NAZIR/ PENGURUS MASJID**

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

Tarikh : ............................ ............................

Tandatangan dan Cop

13. **ULASAN PEGAWAI TADBIR AGAMA ISLAM DAERAH**

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

Tarikh :........................ ........................

Tandatangan dan Cop

14. **ULASAN ORANG BESAR DAERAH**

.......................................................................................................................

.......................................................................................................................

Tarikh :........................ ........................

Tandatangan dan Cop

**SENARAI SEMAK**

**PEMBINAAN SURAU BARU DI NEGERI SELANGOR**

---

**Sila tandakan ( √ ) jika sudah disertakan**

**1.** a. Surat pengesahan tapak surau dari JAIS atau ☐

b. Surat pengesahan tapak surau dari pihak berkuasa tempatan (PBT) atau ☐

c. Surat pewartaan tapak surau dari Pejabat Daerah/Tanah ☐

d. Pelan ☐

i. Pelan Tapak
ii. Laporan Cadangan Pemajuan
iii. Pelan Susunatur
iv. Pelan Bangunan/Perspektif/3D
v. Pelan Aras

e. Senarai Perunding ☐

f. Butiran Kerja (BQ) dan anggaran kos pembinaan ☐

g. Gambar tapak surau ☐

h. Surat permohonan bertulis dari pemohon ☐

i. Mengisi borang permohonan pembinaan surau ☐

Majlis Agama Islam Selangor

2. **Syarat - Syarat**

a. **Faktor jarak**

Jarak paling minima hendaklah berada 2 km dari masjid atau surau yang sediada ( mengikut keperluan ) ☐

b. **Faktor penduduk**

Terdapat penduduk beragama Islam yang memerlukan pembinaan masjid ☐

d. **Faktor status tapak surau**

Status tapak surau hendaklah mengandungi salah satu daripada syarat berikut:

a. Tapak wakaf atau ☐

b. Tapak tanah Kerajaan Negeri atau ☐

c. Tapak yang disediakan pemaju ☐

e. **Struktur**

1. Mempunyai rekabentuk bangunan bercirikan Islam ☐

2. Bangunan surau hendaklah berasingan dengan bangunan tandas ☐

NOTA : **Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Pejabat Agama Islam Daerah untuk tindakan selanjutnya.**

Majlis Agama Islam Selangor

BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40000 SHAH ALAM, SELANGOR
Website : www.jais.gov.my

TEL : 03-55143688
FAX : 03-55109166

PERMOHONAN PEMBINAAN SURAU DALAM NEGERI SELANGOR.

1. NAMA SURAU ( RUMI)........................................................................

( JAWI ) .......................................................................

2. ALAMAT LENGKAP :........................................................................

........................................................................

........................................................................

3. ALAMAT SURAT-MENYURAT

........................................................................

........................................................................

........................................................................

4. NO TELEFON:........................................NO FAX :...................................

5. MUKIM : ................................DAERAH...........................................

6. KARIAH MASJID:.................................................................

JARAK :.......................................................................KM

7. KEDUDUKAN TAPAK

- KELUASAN :..........................................................
- NO LOT & TAPAK :..........................................................
- STATUS TAPAK : ( WAKAF / KERAJAAN / PEMAJU ) ..........................

8. JUMLAH PENDUDUK ISLAM :...........................................................

8. ANGGARAN KOS PEMBINAAN :.................................................

9. SUMBER KEWANGAN :......................... RM.......................

& JUMLAH ......................... RM.......................

......................... RM.......................

10. SENARAI NAMA JAWATANKUASA PENAJA PEMBINAAN SURAU

| BIL | NAMA | ALAMAT | NO. K/P | JAWATAN | NO. TELEFON |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | | |
| 2 | | | | | |
| 3 | | | | | |
| 4 | | | | | |
| 5 | | | | | |
| 6 | | | | | |
| 7 | | | | | |
| 8 | | | | | |
| 9 | | | | | |
| 10 | | | | | |
| 11 | | | | | |
| 12 | | | | | |
| 13 | | | | | |
| 14 | | | | | |

Majlis Agama Islam Selangor

11. **PERAKUAN PEMOHON**

SAYA MENGAKU SEGALA MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR

Nama :..........................................................................................

Jawatan :..........................................................................................

Tarikh : ............................................

T / Tangan : ............................................

12. **ULASAN NAZIR/ PENGURUS MASJID**

..........................................................................................................

..........................................................................................................

Tarikh : ............................

............................
Tandatangan dan Cop

13. **ULASAN PEGAWAI TADBIR AGAMA ISLAM DAERAH**

..........................................................................................................

..........................................................................................................

Tarikh :........................

........................
Tandatangan dan Cop

14. **ULASAN ORANG BESAR DAERAH**

..........................................................................................................

..........................................................................................................

Tarikh :........................

........................
Tandatangan dan Cop

BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9, MENARA SELATAN
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40000 SHAH ALAM,SELANGOR
Website : www.jais.gov.my

TEL : 03-55143548/3776
FAX : 03-55109166

---

PERMOHONAN PENDAFTARAN SURAU DALAM NEGERI SELANGOR.

1. NAMA SURAU: (JAWI) ..........................................................................

   (RUMI) ..........................................................................

2. ALAMAT LENGKAP:..........................................................................

   ..........................................................................

   ..........................................................................

3. NO. TELEFON: .................................... NO. FAX : ...................................

4. KARIAH MASJID :..........................................................................

5. MUKIM : ........................................ DAERAH : ....................................

6. JARAK DENGANMASJID TERDEKAT : ...........................KM

   JARAK SURAUTERDEKAT : ........................KM

7. KEDUDUKAN TAPAK :-

   - KELUASAN : ..........................................................................
   - NO. LOT & TAPAK : ..........................................................................
   - STATUS TAPAK (WAKAF / PEMAJU / KERAJAAN / LAIN-LAIN,NYATAKAN)

   ..........................................................................

8. JUMLAH PENDUDUK ISLAM: ..........................

9. TAMAN PERUMAHAN BERDEKATAN :............................................

   ............................................

   ............................................

## 10. SENARAI NAMA JAWATANKUASA PENAJA SURAU

| BIL | NAMA | ALAMAT | NO. K/P | JAWATAN | NO. TELEFON |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | | | | PENGERUSI | |
| 2. | | | | TIMB. PENGERUSI | |
| 3. | | | | SETIAUSAHA | |
| 4. | | | | BENDAHARI | |
| 5. | | | | PEN. BENDAHARI | |
| 6. | | | | IMAM | |
| 7. | | | | BILAL | |
| 8. | | | | SIAK | |
| 9. | | | | AJK | |
| 10. | | | | AJK | |
| 11. | | | | AJK | |
| 12. | | | | AJK | |
| 13. | | | | AJK | |
| 14. | | | | AJK | |
| 15. | | | | P. KIRA-KIRA (1) | |
| 16. | | | | P. KIRA-KIRA (2) | |

## 11. PERAKUAN PEMOHON

SAYA MENGAKU SEGALA MAKLUMAT DI ATAS ADALAH BENAR

NAMA PEMOHON :..........................................................................

JAWATAN :..........................................................................

NO. TELEFON :.........................................................................

TANDATANGAN :..............................TARIKH :........................

Majlis Agama Islam Selangor

12. **ULASAN NAZIR MASJID**

.................................................................................................................

.................................................................................................................

Tarikh : ........................ ............................
T / Tangan dan Cop

13. **ULASAN PEGAWAI TADBIR AGAMA ISLAM DAERAH**

.................................................................................................................

................................................................................................................

Tarikh : ........................ ............................
T / Tangan dan Cop

14. **ULASAN ORANG BESAR DAERAH**

.................................................................................................................

................................................................................................................

Tarikh : ........................ ............................
T / Tangan dan Cop

Majlis Agama Islam Selangor